

## **TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “RCB BIRTHDAY MONTH PRIVILEGES”**

Kempen “RCB Birthday Month Privileges” (“Kempen”) ini dilancarkan secara bersama-sama oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 [6463-H] (“PBB”) dan Public Islamic Bank Berhad No. Pendaftaran 197301001433 [14328-V] (“PIBB”). Terma dan syarat di bawah akan mengawal Kempen ini.

### **1. Tempoh Kempen**

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2025 hingga 30 Jun 2025**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut, atau tarikh lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh PBB / PIBB (“Tempoh Kempen”).

### **2. Kelayakan**

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Perbankan Red Carpet (“RCB”) yang hari jadi mereka jatuh dalam Tempoh Kempen dan yang mengekalkan nilai / nilai aset bersih minimum seperti dalam Jadual A. Nilai / Nilai aset bersih minimum tersebut ialah kombinasi yang berikut:

- i) deposit teragregat dalam mana-mana atau kesemua Akaun Deposit\* individu atau bersama (seperti yang ditakrifkan dalam terma dan syarat yang mengawal Keahlian RCB (“Terma dan Syarat RCB”)); dan / atau
- ii) Pelaburan (seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat RCB); dan / atau
- iii) Bankasurans / Banktakaful (seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat RCB).

(“Peserta yang Layak”).

\*Akaun-akaun Deposit ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Jadual A

<b>Kategori Keahlian RCB</b>	<b>Nilai / Nilai Aset Bersih Minimum (RM)</b>
Gold (“RCB Gold”)	300,000 hingga bawah 1,000,000
Elite (“RCB Elite”)	1,000,000 dan ke atas

- 2.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB dan PIBB termasuk Pusat RCB di Malaysia.

2.3 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:

- a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, PIBB dan Public Investment Bank Berhad;
- b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
- c) orang yang tidak waras;
- d) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan
- e) orang yang akaunnya yang dipegang oleh PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.

**3. Mekanisme Kempen**

3.1 Produk yang Layak merujuk yang berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Produk yang Layak</b>
1.	<u>Konvensional:</u> Deposit Tetap PLUS* (“FD PLUS”)
2.	<u>Islam:</u> Deposit Bertempoh-i* (“DB-i”)
3.	Dana Unit Amanah Ekuiti / Berimbang / Aset Bercampur Siri PB (UA) [“Dana yang Layak”]

\* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

3.2 Pada bulan hari jadi Peserta yang Layak atau bulan berikutnya selepas bulan hari jadi Peserta yang Layak, beliau layak untuk promosi yang berikut:

- a) FD PLUS / DB-i  
Peserta yang Layak layak untuk kadar faedah / keuntungan promosi bagi peletakan deposit di bawah FD PLUS atau DB-i seperti yang dinyatakan dalam Lampiran I.

Peletakan deposit di bawah Kempen ini tertakluk pada had minimum dan maksimum seperti yang berikut:

<b>Kategori Keahlian RCB</b>	<b>Amaun Peletakan Minimum (RM)</b>	<b>Amaun Peletakan Maksimum (RM)</b>
RCB Gold	50,000	300,000
RCB Elite	100,000	500,000

Peletakan deposit boleh dibuat dalam resit berganda dengan syarat setiap resit mempunyai amaun dan tempoh peletakan yang sama.

b) Unit Amanah

Peserta yang Layak layak untuk menerima satu kali **Ganjaran Tunai Hari Jadi** seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah apabila Peserta yang Layak memohon dan berjaya melabur dalam urus niaga tunggal dalam Dana yang Layak semasa bulan hari jadi Peserta yang Layak atau bulan berikutnya selepas bulan hari jadi Peserta yang Layak.

Bagi mengelakkan keraguan, kelayakan untuk Ganjaran Tunai Hari Jadi adalah berdasarkan pelaburan tertinggi oleh Peserta yang Layak dalam urus niaga tunggal.

<b>Peringkat</b>	<b>Pelaburan dalam Dana yang Layak</b>	<b>Ganjaran Tunai Hari Jadi</b>
<b>1</b>	RM80,000 hingga kurang daripada RM150,000	RM288
<b>2</b>	RM150,000 hingga kurang daripada RM300,000	RM488
<b>3</b>	RM300,000 dan ke atas	RM688

Ilustrasi

Sekiranya hari jadi Peserta yang Layak jatuh pada 1 Januari 2025, Peserta yang Layak layak untuk menikmati promosi seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.2 di atas untuk bulan Januari 2025 dan Februari 2025 sahaja.

Terma Khusus untuk FD PLUS / DB-i

- 3.3 Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah FD PLUS / DB-i mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya dari dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang hanya oleh seorang atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana tersebut tidak lagi dianggap sebagai “dana baharu”.
- 3.4 Makluman pengesahan peletakan FD PLUS / DB-i akan dikeluarkan selepas penerimaan oleh PBB / PIBB bagi peletakan FD PLUS / DB-i tersebut di bawah Kempen ini.
- 3.5 Peletakan FD PLUS / DB-i hanyalah untuk 6 bulan sahaja. Kadar faedah / keuntungan promosi diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. FD PLUS / DB-i akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh selama 6 bulan pada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB / PIBB dengan faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam Akaun Semasa / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan / Akaun Simpanan-i (“CASA / CASA-i”) yang ditentukan oleh Peserta yang Layak apabila matang.
- 3.6 Pemegang akaun untuk FD PLUS / DB-i dan CASA / CASA-i mestilah dalam nama individu yang sama.
- 3.7 Faedah atau keuntungan (mana-mana yang berkenaan) dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.8 Apabila matang, faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam CASA / CASA-i yang ditentukan milik Peserta yang Layak menurut peraturan pengendalian biasa PBB / PIBB bagi pengkreditan faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) dalam CASA / CASA-i.
- 3.9 **Apa-apa peletakan FD PLUS / DB-i yang dibuat di bawah Kempen ini dan dikeluarkan sebelum kematangannya tidak layak untuk apa-apa faedah / keuntungan (mana-mana yang berkenaan).**
- Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan FD PLUS / DB-i diperbaharui.**
- 3.10 Pengeluaran sebahagian peletakan FD PLUS / DB-i ini **tidak** dibenarkan.

- 3.11 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan FD PLUS / DB-i mesti dibuat dengan memberi arahan yang jelas dan tepat secara bertulis dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan dibenarkan pemegang akaun yang berkaitan berkenaan dengan pengeluaran dan pelupusan peletakan tersebut. PBB dan PIBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen berkenaan, pada pandangan PBB atau PIBB, mengikut keadaannya, berbeza daripada contoh tandatangan dalam sistem PBB atau PIBB. Semua pindaan arahan seumpama itu hendaklah disahkan oleh penandatangan dibenarkan yang mana tandatangan ini hendaklah mengikut contoh tandatangan dalam sistem PBB atau PIBB.
- 3.12 Apa-apa peletakan FD PLUS / DB-i yang dibuat di bawah Kempen ini tidak akan disandarkan sebagai cagaran bagi apa-apa overdraf, kemudahan tunai-i, apa-apa kemudahan atau pembiayaan.
- 3.13 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang kini ditawarkan serentak oleh PBB dan/atau PIBB.

#### Terma Khusus untuk UA

- 3.14 Amaun pelaburan untuk UA mestilah dalam urus niaga tunggal. Tiada kombinasi atau pengumpulan beberapa jenis Dana yang Layak dibenarkan.
- 3.15 Pelaburan UA yang berikut TIDAK layak untuk Kempen ini:
- Semua jenis urus niaga tukar ganti;
  - Dana Unit Amanah Ekuiti / Berimbang / Aset Bercampur e-Siri Public;
  - Amaun pelaburan kumulatif bagi Dana yang Layak yang berbeza dan/atau hari yang berbeza dalam Tempoh Kempen;
  - Pelaburan yang dibuat menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
  - Pelaburan yang dibuat melalui platform dalam talian seperti *Public Mutual Online*;
  - Pelaburan yang dibuat melalui kempen berkaitan UA lain yang ditawarkan serentak oleh PBB dan/atau PIBB;
  - Pelaburan dalam dana Skim Persaraan Swasta.
- 3.16 Peserta yang Layak tidak dianggap sebagai telah melabur dalam Dana yang Layak sekiranya pelaburan itu dibatalkan semasa “tempoh percubaan” dan tidak layak untuk Ganjaran Tunai Hari Jadi.
- 3.17 “Tempoh percubaan” merujuk tempoh enam (6) hari perniagaan mulai dari tarikh penerimaan borang permohonan pelaburan oleh Public Mutual Berhad (“PMB”) dan pembayaran kepada PMB. Tempoh percubaan berkenaan hanya diterima pakai kepada Peserta yang Layak yang melabur dalam mana-mana dana unit amanah dengan PMB untuk kali pertama.

- 3.18 Dana yang Layak juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh PMB dari semasa ke semasa.
- 3.19 Setiap Peserta yang Layak layak untuk menerima satu (1) Ganjaran Tunai Hari Jadi sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- 3.20 Ganjaran Tunai Hari Jadi akan dikreditkan dalam tempoh enam belas (16) minggu selepas tarikh urus niaga pelaburan UA dalam Akaun Semasa / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan / Akaun Simpanan-i (“CASA / CASA-i”) yang disenggara oleh Peserta yang Layak.
- 3.21 Peserta yang Layak tidak layak untuk mendapat Ganjaran Tunai Hari Jadi di bawah Kempen ini sekiranya CASA / CASA-i Peserta yang Layak ditutup, ditukarkan, digantung, dibatalkan, ditamatkan, dorman atau tidak aktif sebelum Ganjaran Tunai Hari Jadi dikreditkan dalam CASA / CASA-i Peserta yang Layak.
- 3.22 Ganjaran Tunai Hari Jadi di bawah Kempen ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar untuk pendahuluan tunai, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 3.23 PBB dan/atau PIBB berhak untuk menarik balik apa-apa Ganjaran Tunai Hari Jadi sekiranya terma dan syarat ini tidak dipatuhi.

#### **4. Terma dan Syarat Am**

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat yang mengawal Keahlian RCB dan terma dan syarat yang mengawal CASA / CASA-i (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan). Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat yang mengawal Keahlian RCB dan terma dan syarat yang mengawal CASA / CASA-i, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan PIBB dan keputusan PBB dan PIBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini dan Ganjaran Tunai Hari Jadi adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB dan PIBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB dan PIBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat Peserta yang Layak berkaitan dengan Produk yang Layak, CASA dan CASA-i bagi tujuan Kempen ini.

- 4.4 PBB dan PIBB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini dan Ganjaran Tunai Hari Jadi kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB atau PIBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.5 PBB dan PIBB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini dan Ganjaran Tunai Hari Jadi yang disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan PIBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengehadan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini dan Ganjaran Tunai Hari Jadi di bawah Kempen ini.
- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diterima pakai.
- 4.8 PBB dan PIBB berhak untuk:
  - a) membuat penambahan, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa dan pindaan terma dan syarat tersebut akan diterima pakai berbanding apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi yang mengiklankan Kempen ini;

- b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB / PIBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut; dan
- c) menyemak semula kadar faedah / keuntungan promosi di bawah Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau apa juga kaedah lain seperti yang ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa.

4.9 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

4.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Privasi PBB / PIBB yang menyatakan bagaimana PBB / PIBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak dalam laman web PBB / PIBB atau di mana-mana cawangan PBB / PIBB.

4.11 Peserta yang Layak diingatkan agar membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mengambil bahagian dalam Kempen ini. Sekiranya terdapat terma yang tidak difahami oleh Peserta yang Layak, Peserta yang Layak dinasihatkan agar mendapatkan nasihat bebas dan berbincang lebih lanjut dengan wakil PBB / PIBB.

\*\*\*\*\*

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

\*\*\*\*\*



## Lampiran I

Kadar faedah / keuntungan promosi yang ditawarkan di bawah Kempen “RCB Birthday Month Privileges” adalah seperti yang berikut:

<b>Tempoh</b>	<b>Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)</b>
6 Bulan	3.85